

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Tabung Haji disaran ceburi industri teknologi tinggi | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 09 Jan 2014 | Color | Full Color |
| Section | Niaga | Circulation | 115,967 |
| Page No | 51 | Readership | 406,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 171 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,487 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,460 |



Tabung Haji disaran ceburi industri teknologi tinggi

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan Lembaga Tabung Haji (LTH) dan dana lain menceburi pelaburan dalam industri berteknologi tinggi.

Menurutnya, Malaysia mempunyai pelbagai tabung dengan dana mencecah berbilion ringgit, tapi kebanyakan pelaburan tertumpu kepada pembinaan projek bangunan pencakar langit.

Jelas beliau, pelaburan dalam sektor industri canggih juga boleh membantu pertumbuhan ekonomi negara.

"Pembinaan bangunan tidak menggunakan teknologi tinggi dan kebanyakan pekerja mereka merupakan warga asing, sehubungan itu, kumpulan pekerja ini akan menyalurkan pendapatan mereka keluar dari negara ini.



LEMBAGA TABUNG HAJI perlu mempelbagaikan cabang pelaburannya untuk menjana pendapatan termasuk memfokuskan kepada bidang teknologi tinggi. - Gambar hiasan

"Sekiranya kita menceburi dalam industri berteknologi tinggi, kita dapat menggunakan kepakaran saintis dan ju-

rutera kita dengan memberikan ganjaran yang lebih tinggi, selaras dengan sasaran kerajaan untuk menjadi-

kan Malaysia negara berpendapatan tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada seminar Pengarah Korporat keenam anjuran Tabung Haji di sini semalam.

Mahathir bagaimanapun berkata, ukuran bagi sebuah negara maju bukan terletak pada pendapatan per kapita dan pendapatan kasar negara sahaja, malah turut dilihat daripada aspek kecanggihan dan kemajuan teknologi yang ada.

"Banyak negara Islam, sebagai contoh, mempunyai pendapatan per kapita yang sangat tinggi, namun tidak dilihat sebagai negara maju memandangkan ia tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran tinggi," katanya.

- Bernama